



UMK.B01.02.100-1/3/1 (11)

20 APRIL 2020

## PEKELILING AKADEMIK BIL.6/2020

### GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (COVID-19) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (COVID-19) Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian ini selari dengan pindaan Kalendar Akademik Semester Februari 2019/2020 menerusi edaran Pekeliling Akademik Bilangan 5/2020.
3. Berikut disertakan dokumen lampiran yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian untuk perhatian dan rujukan warga UMK:

- 3.1 Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (Covid-19) Universiti Malaysia Kelantan

Lampiran 1 : Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Lampiran 2 : Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) – Jabatan Pendidikan Malaysia (JPT) 2020


4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- |      |   |   |
|------|---|---|
| s.k. | - | Naib Canselor                                     |
|      | - | Timbalan Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor   |
|      | - | Pendaftar   |
|      | - | Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian             |
|      | - | Timbalan Pendaftar, Bahagian Pentadbiran Akademik |



## **PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19**

### **PANDUAN UMUM**

1. Panduan ini adalah bersifat **advisory** kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang tindakan dan langkah pemulihan sementara sistem pengajian yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan bagi kemungkinan perlanjutan tempoh tersebut melangkaui 14 April 2020. Panduan ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak** berkuasa dari semasa ke semasa termasuk Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, KPT), dan pihak lain yang berkaitan seperti badan profesional, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dan lain-lain.
2. Tindakan dan langkah sementara yang diambil oleh PPT dalam tempoh krisis ini diletakkan di atas **tanggungjawab dan autonomi Senat/ Lembaga Akademik PPT untuk membuat keputusan pelaksanaan dalam tempoh masa yang wajar** (semasa dan pasca krisis) berdasarkan peruntukan perlembagaan masing-masing, kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebijakan pelajar semasa dan akan datang dalam membuat sebarang pelaksanaan tindakan dan langkah sementara tersebut
3. MQA akan mengambil kira perkara ini dalam penilaian akreditasi sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan dan penambahbaikan yang dirancang hanya dapat dilaksanakan setelah keadaan kembali pulih. **MQA bersedia memberikan fleksibiliti yang bersesuaian kepada PPT** dan akan membuat penyelarasan bersama Panel Penilai MQA.
4. Oleh itu, PPT dinasihatkan untuk merekod dan mengemas kini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dari semasa ke semasa.
5. Pusat Jaminan Kualiti Dalaman PPT adalah dinasihatkan untuk **menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih**. Tindakan tersebut boleh berbentuk program pemulihan, pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan keperluan. Ia boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat

berdasarkan keutamaan terutamanya bagi pelajar yang akan bergraduat dalam tempoh terdekat.

6. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakreditasi oleh MQA.

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

7. **Pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada *online* sepenuhnya termasuk aktiviti berbentuk amali**

Pada umumnya PPT boleh mengambil langkah sementara dengan mengubah suai komponen pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka (termasuk *blended learning*) kepada kaedah atas talian sepenuhnya tertakluk kepada kesediaan pelajar, tenaga pengajar, sumber dan prasarana di PPT.

Kaedah-kaedah *remote learning* lain seperti pembelajaran berbentuk tugasan, dan pembelajaran kendiri boleh digunakan mengikut kesesuaian. PPT perlu mengeluarkan panduan yang jelas kepada pelajar berkenaan perkara ini.

Pendedahan komponen amali (sama ada sebahagian atau keseluruhan kursus) boleh dilaksanakan melalui video, *virtual simulation* atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian. Adalah menjadi tanggungjawab tenaga pengajar untuk memastikan aktiviti amali yang dirancang adalah bersesuaian dan dapat mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.

8. **Penghentian pengajaran dan pembelajaran yang tidak diganti melalui kaedah *online/ remote learning* dan tidak digantikan setelah pembelajaran institusi beroperasi kembali**

Pada prinsipnya ia bergantung kepada tahap penawaran sesuatu kursus. Penggantian melalui pembelajaran *online* atau tugasan pembelajaran adalah disyorkan semasa perintah sedang berjalan. Komponen yang tertinggal juga boleh ditawarkan secara *microlearning* atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian di semester yang berikutnya.

Bagi kursus yang berstatus prasyarat, sesi pengukuhan boleh dilaksanakan sewaktu mengikuti kursus pascasyarat di semester berikutnya, tertakluk kepada kesesuaian.

PPT boleh mempertimbangkan langkah tidak menggantikan sekiranya penghentian kuliah berlaku di hujung sibus pembelajaran dan tenaga pengajar mendapati keperluan hasil pembelajaran pada tahap minimum telah dipenuhi.

Walau bagaimanapun, perhatian khusus perlu dibuat terhadap kursus penting di hujung pengajian yang memerlukan kepada pengukuhan penguasaan ilmu dan kemahiran sebelum pelajar bergraduat.

#### **STUDENT LEARNING TIME (SLT) / KREDIT**

##### **9. Kesan pengubahsuaian dan perubahan ini terhadap pengiraan SLT atau kredit serta pembelajaran dan penilaian pelajar**

Pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan penilaian pelajar (sama ada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT **boleh** dipertimbangkan oleh PPT sebagai telah memenuhi keperluan kredit, mencapai gred pencapaian pelajar dan hasil pembelajaran minimum yang telah ditetapkan bergantung kepada kesesuaian bidang.

#### **LATIHAN INDUSTRI**

##### **10. Penggantian tempoh pemendekan Latihan Industri (LI)**

PPT boleh mempertimbangkan bahawa pelajar yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% hingga 80% daripada tempoh latihan industri untuk tidak melengkapkan baki latihan industri yang tertunggak. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian tersebut dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan. PPT bertanggungjawab mempertimbangkan pendedahan minima industri yang perlu dilalui oleh pelajar dalam memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan.

##### **11. Penggantian kursus LI dengan kaedah lain pendedahan industri**

PPT boleh menggantikan LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian melalui program yang melibatkan kerjasama industri dan penyeliaan oleh pengamal industri (sebagai contoh projek berdasarkan industri) bergantung kepada bidang pengajian pelajar. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

## **PENILAIAN PELAJAR**

### **12. Penggantian peperiksaan akhir dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar seperti peperiksaan secara *online*, tugasan dan sebagainya**

Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti *take-home-exam*, *open-book-exam*, peperiksaan secara *online*, tugasan akhir dan sebagainya bergantung kepada kesesuaian. PPT perlu memastikan mekanisma penilaian yang digunakan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu.

Prinsip utama adalah kaedah-kaedah terbabit dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan serta memelihara sebaik mungkin berdasarkan situasi semasa aspek *validity*, *reliability* dan *fairness* dalam pelaksanaan.

### **13. Peperiksaan akhir yang tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar**

Pada prinsipnya PPT boleh mempertimbangkan perkara ini sekiranya komponen sumatif dalam penilaian berterusan **(a)** merangkumi sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan penilaian pelajar **DAN** **(b)** telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

Perhatian khusus perlu dibuat terhadap kursus penting di hujung pengajian yang memerlukan kepada pengukuhan penguasaan ilmu dan kemahiran sebelum pelajar bergraduat.

### **14. Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/ Gagal**

PPT diberikan autonomi untuk menentukan gred pemarkahan yang bersesuaian bagi menggambarkan pencapaian kompetensi pelajar terhadap satu-satu kursus. Namun dalam tempoh krisis ini, PPT boleh mempertimbang menggunakan indikator Lulus/ Gagal dengan mengambil kira kepentingan dan impak/ tekanan kepada pelajar. Adalah menjadi tanggungjawab PPT memastikan gred yang diperolehi pelajar menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan.

## **PENYELARASAN SISTEM SEMESTER**

### **15. Penyusunan kursus-kursus yang melibatkan semester panjang dan semester pendek**

PPT perlu menguruskan secara bersesuaian penamatan semester pengajian semasa dan seterusnya penawaran semester baharu. Adalah dinasihatkan untuk PPT mengelakkan berlaku pertindihan semester pengajian.

Bagi membolehkan pelajar kembali kepada landasan kemajuan pengajian asal (*original study track*), PPT diberi fleksibiliti untuk menawarkan beban kredit yang lebih tinggi daripada biasa pada semester-semester berikutnya tertakluk kepada penawaran minggu pengajian maksimum 45 minggu setahun. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti komponen pengajian yang perlu dibuat pengulangan dan/ atau pengukuhan.

PPT adalah dinasihatkan memberi pilihan kepada pelajar untuk menentukan beban pengajian tambahan dan memberi perhatian kepada pelajar yang berisiko dalam kemajuan pengajian sekiranya mengambil beban pengajian tambahan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/> atau e-mel [skp@mqa.gov.my](mailto:skp@mqa.gov.my) .

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**  
**29 MAC 2020**



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN**  
**PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN**  
**(PEMBELAJARAN DALAM TALIAN)**





**Cetakan Pertama: 2020**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Tinggi.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN  
(PEMBELAJARAN DALAM TALIAN)**

**ISBN 978-983-3225-31-6**



**Diterbitkan oleh:**  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62000 Putrajaya, Malaysia  
[www.jpt.moe.gov.my](http://www.jpt.moe.gov.my)







**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PENDIDIKAN TINGGI  
(AKADEMIK & PEMBANGUNAN)**

**YBHG. DATO' PROF. IR. DR.  
MOHD SALEH JAAFAR**



PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG) membentuk pelajar yang lebih proaktif dan responsif dengan pembelajaran yang bersifat 'life-long learning' and 'self-directed learning'.

Ia merupakan satu kaedah transformasi pembelajaran seiring kemajuan teknologi terkini yang dapat mempertingkatkan potensi diri dan kreativiti pelajar dalam proses menuntut ilmu.



Pembelajaran berdasarkan pengalaman melalui teknologi digital dengan penglibatan komuniti dan industri adalah satu sinergi pencetus inspirasi, kreativiti dan inovasi pendidikan tinggi



**PENGARAH BAHAGIAN  
KECEMERLANGAN AKADEMIK**

**YBRS. PROF MADYA DR.  
WAN ZUHAINIS BINTI SAAD**





# ISI KANDUNGAN



**01**

## **LATAR BELAKANG: Pembelajaran Teradun Gantian** —● 02


- Tujuan
- Pembelajaran Teradun dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025
- Pembelajaran Teradun dalam Surat Makluman MQA Bil. 3/2018
- Pembelajaran Teradun dalam Dasar e-Pembelajaran Negara 1.0 (DePAN 1.0)
- Definisi Operasi Pembelajaran Teradun oleh Allen Seaman (2013)
- Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Semasa bagi IPTA – Kronologi
- Justifikasi Pemurnian Pembelajaran Teradun



**02**

## **DEFINISI: Pembelajaran Teradun Gantian** —● 20

- Definisi Operasi
- Perubahan Definisi Operasi PTS dan PTG (2016-2019) kepada PTG (2019 dan Seterusnya)
- Pembelajaran Teradun Gantian (PTG): Perincian
- Contoh Bahan Pembelajaran dan Aktiviti Pembelajaran Segerak dan Tidak Segerak



**03**

## **SIMULASI: Pembelajaran Teradun Gantian** —● 26

- Simulasi 1: Kursus 3 jam kredit dengan PTG 30%
- Simulasi 2: Kursus 2 jam kredit dengan PTG 50%




**04**

## **PERANAN: IPT, Staf Akademik dan Pelajar** —● 40

- Peranan IPT
- Peranan Staf Akademik
- Peranan Pelajar

## **KESIMPULAN, GLOSARI DAN SUMBER RUJUKAN** —● 51

## **PENULIS DAN PENYUMBANG** —● 58



**01**

LATAR BELAKANG

**02**

DEFINISI

**03**


SIMULASI

**04**

PERANAN




# Pembelajaran Teradun Gantian di Lanskap Pendidikan Masakini dan Akan Datang



## Sustainable Development Goals

### Goal 4 : Quality Education.

Pembelajaran Teradun Gantian menyumbang kepada **gabungan** penggunaan teknologi dan pembelajaran konvensional selari dengan keperluan **pendidikan yang berkualiti** semasa dan akan datang



## Industry Revolution 4.0

Teknologi IR 4.0 seperti **Big Data and Analytics** disepadukan dengan pelantar Learning Management System (LMS) untuk memberi nilai tambah kepada pembelajaran khususnya **profil keterlibatan dan kemajuan pelajar berdasarkan maklumat**.

## Pelajar & Pendidik berasaskan Nilai

Pelajar dan pendidik abad ke-21 **memanfaat teknologi ICT terkini** dalam meningkatkan keberkesanannya pembelajaran. Pelajar dan pendidik boleh merentasi sempadan fizikal untuk **berinteraksi di pentas global**

## Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

**Lonjakan 9: Pembelajaran dalam talian secara Global.** Pembelajaran Teradun merupakan salah satu **sasaran pencapaian** bagi lonjakan ini.



4  
QUALITY EDUCATION

01

30-80%  
Pembelajaran  
dalam talian

## Pembelajaran

Bahan  
Pembelajaran  
dalam talian



02

02

## Pendidikan Digital

Mengarusperdanakan pendidikan digital Negara dengan **penghasilan** bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran digital dan pentaksiran dalam talian. Ketiga-tiga komponen ini meningkat **harta intelek** yang lebih lestari dan capaian pendidikan yang meluas tanpa batasan geografi.



03

Aktiviti  
Pembelajaran  
dalam talian

## Pendidikan Fleksibel

Inisiatif Pembelajaran Teradun menjadi medium perlaksanaan **inisiatif 2U2I, SULAM** melalui fleksibiliti perancangan sesi pembelajaran dan pengajaran berdasarkan teknologi dan bersemuka



## Teradun Gantian

Pentaksiran  
dalam talian

04

## Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN)

DePAN melalui 5 tonggak utama mensasarkan **kurikulum dan kandungan** masakini yang berdasarkan teknologi dengan menyedia **infrastruktur** yang baik

03



## TVET & Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Teradun membuka kepada kepelbagaiannya pendekatan pembelajaran selari dengan keperluan pembelajaran TVET dan pembelajaran sepanjang hayat dengan memanfaatkan teknologi pembelajaran dalam talian. **Bahan-bahan pembelajaran boleh dirakamkan dan dicapai secara dalam talian** sebelum/ semasa aktiviti hands-on dijalankan.



# TUJUAN: PEMBELAJARAN TERADUN



Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan **satu Garis Panduan bagi pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) Pembelajaran dalam Talian** bagi sesuatu kursus dalam mana-mana program akademik yang ditawar oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Pembelajaran Teradun merupakan gabungan di antara pembelajaran secara konvensional dan pembelajaran dalam talian. Dokumen ini hanya memfokus kepada **pembelajaran dalam talian** manakala pembelajaran secara konvensional boleh dirujuk kepada amalan sedia ada oleh mana-mana IPT.



# Pembelajaran Teradun dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

## Lonjakan Ke-9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (Globalized Online Learning)

Masa depan pembelajaran dalam talian bagi sistem pendidikan tinggi Malaysia adalah berpaksikan kepada piawaian kualiti global, peningkatan akses serta ekuiti yang memastikan kumpulan yang kurang berpeluang dapat memanfaatkannya. Bagi mencapai maklumat ini, Kementerian berhasrat untuk menjadikan pembelajaran dalam talian dan **pembelajaran teradun** sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas *Massive Open Online Courses (MOOCs)*.



## Inisiatif Lonjakan ke-9

Menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai komponen integral bagi pendidikan tinggi, dengan **70% daripada kursus menggunakan pembelajaran teradun** menjelang 2025

01

Melancarkan MOOC dalam subjek **yang tersendiri bagi Malaysia** (contohnya: perbankan dan kewangan Islam) mensasarkan 50% enrolmen antarabangsa serta mempromosikan insiatif MOOC kepada rakyat umum di Malaysia

02

Menubuhkan **pusat e-pembelajaran Malaysia** untuk menyokong **rekaan kandungan yang boleh dikongsi**, menubuhkan **platform kebangsaan** dan membina **perkongsian**

03

Menubuhkan **mekanisme pindahan kredit** untuk pelajar menamatkan kursus dalam talian secara global

04

Menyediakan **infrastruktur** bagi menyampaikan pembelajaran dalam talian yang berskala

05

# Pembelajaran Teradun dalam Surat Makluman MQA Bil. 3/2018

Takrifan Kaedah Pengajian dan Kaedah Penyampaian Program Pendidikan Tinggi

## Jadual 1

Kaedah Penyampaian Program


Kaedah Penyampaian Program	Takrifan
<b>Konvensional</b>	Pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka sepenuhnya dalam bentuk kuliah/ tutorial/ amali (termasuk pembelajaran di industri) yang dikendalikan mengikut tempoh pengajian atau dengan <b>gabungan pembelajaran dalam talian (blended learning)</b> antara <b>30% hingga 60%.*</b>
<b>Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh (Open and Distance Learning, ODL)</b>	Pembelajaran dan pengajaran yang dikendalikan dengan komponen kursus yang dilaksanakan secara atas talian melebihi 60%.*

\* Peratusan daripada jumlah kredit dalam program. Sumber rujukan ialah E-learning Guidelines for Malaysian HEIs, 2014


# Pembelajaran Teradun dalam Dasar e-Pembelajaran Negara 1.0 (DePAN 1.0)

Kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dengan mod pembelajaran bersemuka di mana 30% - 80% kandungan kursus disampaikan secara dalam talian – Sloan Consortium, 2010. Juga dikenali sebagai *hybrid learning*.

Berdasarkan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) (2011), semua kursus yang ditawarkan oleh setiap IPT perlu dikendalikan dalam bentuk:



## Definisi Operasi Pembelajaran Teradun oleh Allen dan Seaman (2013)



—

TRADISIONAL



—

PEMBELAJARAN BERBANTUAN WEB



—

PEMBELAJARAN TERADUN



—

PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (SEPENUHNYA)

Kursus tanpa penggunaan teknologi dalam talian – Kandungan disampaikan melalui penulisan atau lisan

Kursus menggunakan teknologi berasaskan web bagi penyelarasan kepada kursus bersemuka. Penggunaan sistem pengurusan kursus (LMS) atau laman web untuk memaparkan silabus dan tugasan.

Kursus di mana penyampaian bersemuka dalam talian secara teradun. Sebahagian besar penyampaian (kandungan), perbincangan diadakan dalam taliandan sebahagian perjumpaan secara bersemuka

Kursus di mana kebanyakan atau semua kandungan disampaikan secara dalam talian secara amnya, tiada perjumpaan bersemuka

Source : Allen & Seaman, 2013

# Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Semasa bagi IPTA - Kronologi

CAP Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN)  
e-pembelajaran : Pembelajaran Teraduan. Pembangunan Rubrik **Pembelajaran Teradun Sokongan dan Pembelajaran Teradun Gantian (Jadual 2 dan 3)**



Pelaksanaan bagi semua 20 IPTA  
Pelaporan Pencapaian Tahunan

2014

2015

2016



20 IPTA melalui MEIPTA memulakan inisiatif di peringkat institusi masing-masing untuk melaksanakan pembelajaran teradun

- Peningkatan keupayaan LMS
- Siri latihan kepada staf akademik
- Mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak terbabit di institusi masing-masing





2017

PPPM (PT) bermula melalui Lonjakan ke 9 (Pembelajaran dalam talian secara global) dan KPI PT dimulakan secara khusus. Pelaksanaan peringkat awal di semua IPTA dan pencapaian 2016 dan 2017 dilaporkan

Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun mula diadakan bagi peningkatan kualiti pelaksanaan. Isu formula Pembelajaran Teradun diketengahkan untuk ditingkatkan dan dikenalpasti tiada maklumat yang jelas sama ada **Pembelajaran Teradun Sokongan** atau **Pembelajaran Teradun Gantian**



2018



2019

**Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian** dikenalpasti sebagai agenda utama selari dengan pembelajaran dalam talian mula mengambil tempat yang jelas dalam pembelajaran di IPT.

## Justifikasi Pemurnian Pembelajaran Teradun

01

Bagi menyokong  
pelaksanaan DePAN  
(2011)

02

Pembelajaran secara  
fleksibel

03

Kehendak Revolusi  
Perindustrian 4.0

05

Pembelajaran teradun  
perlu distruktur  
khususnya bagi  
kaedah dalam talian  
supaya **pembelajaran  
berlangsung dengan  
berkesan**

04

Kepuasan pelajar  
terhadap pengalaman  
pembelajaran

06

Kandungan kursus  
dan **interaksi** dalam  
pembelajaran  
khususnya secara  
**dalam talian**





## Jadual 2: Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Sokongan (PTS) bagi IPTA

Petunjuk Minima Mod Pembelajaran Teradun sebagai **menyokong** pembelajaran bersemuka

Kategori	Penerangan		Bilangan item untuk pengiraan % PT
Maklumat (5%)	Objektif Pembelajaran/Sinopsis/Silabus/Rancangan Belajar/Skim kerja/Proforma/ Panduan/Penerangan		1 item
Kandungan/Sumber (40%)	Folder Fail, Topik, Bab, Unit, Modul dalam bentuk <i>doc, ppt, swf, SCORM, pdf, video, audio</i> , pautan ke media sosial dan <i>Web 2.0</i>		7 item dimuat naik
Aktiviti (35%)	Segerak	<i>Webinar, sidang video, chat</i>	3 item dikendalikan
	Tidak Segerak	<i>Portfolio, task, wiki, perbincangan, forum/email &amp; messenger, feedback, peta minda, pautan ke media sosial dan Web 2.0</i>	
Pentaksiran (20%)	Kuiz, tugas, jurnal, <i>portfolio</i> , kajian kes, projek		2 item

**30% bahan disampaikan secara teradun**


## Jadual 3: Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) bagi IPTA

Petunjuk Minima Mod Pembelajaran Teradun sebagai menggantikan pembelajaran bersempuka

Kategori	Penerangan		Bilangan item untuk pengiraan % PT
Maklumat (5%)	Objektif Pembelajaran/Sinopsis/Silabus/Rancangan Belajar/Skim kerja/ Proforma/Panduan/Penerangan		0.5 jam aktiviti pensyarah (1 item x 0.5 jam = 0.5 jam)
Kandungan/Sumber (40%)	Folder Fail, Topik, Bab, Unit, Modul dalam bentuk <i>doc, ppt, swf, SCORM, pdf, video, audio</i> , pautan ke media sosial dan <i>Web 2.0</i>		6 jam aktiviti pensyarah (6 item x 1 jam = 6 jam)
Aktiviti (35%)	Segerak	<i>Webinar, sidang video, chat</i>	6 jam aktiviti pensyarah (4 item x 1.5 jam = 6 jam)
	Tidak Segerak	<i>Portfolio, task, wiki, perbincangan, forum/email &amp; messenger, feedback, peta minda, pautan ke media sosial dan Web 2.0</i>	
Pentaksiran (20%)	Kuiz, tugas, jurnal, <i>portfolio, kajian kes, projek</i>		0.5 jam aktiviti pensyarah (1 item x 0.5 jam = 0.5 jam)


**13/42 jam untuk 3 jam kredit bahan disampaikan secara teradun**

## Pencapaian Pembelajaran Teradun (PT) bagi IPTA (bagi satu tahun pemantauan) berasaskan perlaksanaan mengikut *Jadual 2 & 3*




Peratus Pencapaian Pembelajaran Teradun (PT), 2018

### PENCAPAIAN Pembelajaran Teradun IPTA (2016-2018)



**SASARAN** bagi pelaksanaan **PEMBELAJARAN TERADUN** ialah sebanyak 70% daripada kursus yang ditawarkan oleh IPTA pada tahun **2025**.



**01**

LATAR BELAKANG

**02**

DEFINISI

**03**

SIMULASI

**04**

PERANAN



## DEFINISI OPERASI: Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

PTG ialah untuk **mengupayakan pembelajaran dalam talian secara berstruktur dalam julat 30-80%** daripada Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) berdasarkan:

### FORMULA 40:40:20

Formula di atas adalah agihan kepada 30% hingga 80% daripada keseluruhan **Jam Pembelajaran Pelajar (SLT)** kepada **tiga(3) elemen PTG**.



Bahan  
Pembelajaran




Aktiviti  
Pembelajaran



Pentaksiran

Ketiga-tiga elemen ini mempunyai hubungan terus dengan **Hasil Pembelajaran Kursus** yang berkaitan dan dinyatakan secara jelas dalam rancangan pengajaran.

# Perubahan Definisi Operasi PTS dan PTG (2016-2019) kepada PTG (2019 dan Seterusnya)



Pelaksanaan 2016 – 2019

**Formula PTG**


**5:40:35:20**

**Formula PTS**

**1:7:3:2**

Pelaksanaan 2019 dan  
seterusnya

**Formula PTG**  
**40:40:20**



Kerana didapati 5% yang diperuntukan untuk 'maklumat' adalah kurang relevan bagi pembelajaran berdasarkan keperluan hasil pembelajaran pelajar.

\*\*Formula ini dihasilkan melalui dua bengkel yang dihadiri oleh peneraju dan pengamal pembelajaran teradun IPTA iaitu pada 14-15 Ogos 2018 (lokasi di Kinrara Resort) dan 4 Oktober 2018 (lokasi di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia).

# Pembelajaran Teradun Gantian (PTG): Perincian



**40%**  
Bahan  
Pembelajaran

Penggunaan bahan pembelajaran

- *Rakaman video & audio & skrin*
- *Persembahan berbentuk penceritaan*
- *Animasi dan Perisian Web 2.0*
- *Simulasi atau Realiti Maya, atau Realiti Luasan, atau Realiti Tergabung*
- *Syarahan dalam/luar kelas*
- *Kandungan interaktif*
- *Video praktikal/makmal*
- *Dan lain-lain yang bersesuaian*



**40%**  
Aktiviti  
Pembelajaran

Pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan web 2.0 tool

- *Kahoot*
- *Padlet*
- *LMS (cth: forum, chatting, dsb)*
- *Dan lain-lain yang bersesuaian*



**20%**  
Pentaksiran

Pentaksiran dalam talian

- *Kuiz*
- *Penilaian*
- *Tugasan*
- *Refleksi*
- *Dan lain-lain yang bersesuaian*

Wajaran yang dinyatakan (40%, 40%, 20%) bagi tiga (3) elemen PTG **boleh diubahsuai dengan peratusan atau kaedah pengukuran lain yang bersesuaian** bagi keperluan IPT masing-masing dan ianya perlu disertakan dengan justifikasi yang jelas, boleh diukur dan mendapat pengesahan dari governan IPT masing-masing.

## SEGERAK



Menggunakan alat pengajaran aplikasi web 2.0 atau aplikasi lain yang bersesuaian



Perbincangan, forum,  
pembentangan,  
perbahasan

Aktiviti segerak boleh  
melibatkan **alatan  
interaksi masa-nyata**

**Pentaksiran / Penilaian**  
Pentaksiran berterusan  
dalam tempoh 1 minggu.

Kuiz dalam talian,  
penilaian dalam talian,  
tugasan dalam talian.

### CONTOH BAHAN PEMBELAJARAN DAN AKTIVITI PEMBELAJARAN SEGERAK DAN TIDAK SEGERAK

Telesidang, webinar,  
audio masa-nyata

**Pembelajaran maya**  
berdurasi 1 jam

#### Aktiviti Pembelajaran


Aktiviti secara dalam talian  
untuk satu minggu

Penggunaan alatan web  
2.0, forum, perbincangan,  
kaji selidik, maklum balas

**Bahan Pembelajaran**  
(Bagi 1 jam kuliah pembelajaran)  
Bahan pembelajaran yang berdurasi  
1 jam atau video berdurasi 10 minit

Rakaman video, animasi,  
multimedia

## TIDAK SEGERAK



01

LATAR BELAKANG

02

DEFINISI

03


SIMULASI

04

PERANAN



## Simulasi 1: Kursus 3 jam kredit dengan PTG 30%



**Pembelajaran dalam Talian:**  
**36 jam**



Bahan  
Pembelajaran



Aktiviti  
Pembelajaran



Pentaksiran

**Pembelajaran Konvensional:**  
**84 jam**



Syarahan



Tutorial



Makmal



Belajar secara  
individual



Pentaksiran

## Jadual 4

Wajaran bagi 3 Elemen PTG (Pembelajaran Dalam Talian) bersama  
Contoh Perancangan Perlaksanaan

Elemen PTG	%	Jumlah Jam Keseluruhan	Minggu	Aktiviti	Jumlah Jam
Bahan Pembelajaran	40%	14 Jam	3, 4 & 5 8 & 9	<ul style="list-style-type: none"><li>• Video</li><li>• Interaktif</li><li>• Kelas dalam Talian</li></ul>	6 Jam 5 Jam 3 Jam
Aktiviti Pembelajaran	40%	14 Jam	3 & 5 4 8 & 9	<ul style="list-style-type: none"><li>• Aktiviti PdP Individu</li><li>• Perbincangan dalam Talian</li><li>• Aktiviti berkumpulan</li></ul>	4 Jam 2 Jam 8 Jam
Pentaksiran	20%	8 Jam	5 & 6	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tugasan (10%)</li></ul>	8 Jam

30%  
36 JAM  
Jumlah  
Pembelajaran  
dalam talian

## Jadual 5

**Contoh Wajaran bagi 3 Elemen PTG (Pembelajaran Dalam Talian) dan Wajaran (dalam Julat) bersama Contoh Perancangan Perlaksanaan**

Elemen PTG	%	Jumlah Jam Keseluruhan	Minggu	Aktiviti	Jumlah Jam
Bahan Pembelajaran	30% - 50%	11 – 18 Jam	3, 4 & 5	• Video • Interaktif	6 Jam 5 Jam
			8 & 9	• Kelas dalam Talian	3 Jam
Aktiviti Pembelajaran	30% - 50%	11 – 18 Jam	3 & 5	• Aktiviti PdP Individu	4 Jam
			4	• Perbincangan dalam Talian	2 Jam
			8 & 9	• Aktiviti berkumpulan	8 Jam
Pentaksiran	10% - 30%	4 – 11 Jam	5 & 6	• Tugasan (10%)	8 Jam

**MESTI  
>36 JAM**

Jumlah  
Pembelajaran  
dalam talian

## Jadual 6

### A. Contoh Rancangan Pengajaran yang menggabungkan SLT dan PTG (Pembelajaran dalam Talian) – Maklumat Kursus


<b>Course Code</b>	BCI1023				
<b>Course Name</b>	Programming Techniques				
<b>Credit Hours</b>	3				
<b>Course Outcomes</b>	CLO1: Produce a solution for complex problems using problem solving and programming techniques. CLO2: Adapt an efficient practical solutions for solving complex problems. CLO3: Plan solution for solving a complex problem-based project.				
<b>Assessment Types</b>	<b>Type</b>	<b>Overall Weightage</b>	<b>Weightage based CLO</b>		
			<b>CLO1</b>	<b>CLO2</b>	<b>CLO3</b>
	Test 1	20	20		
	Assignment	10	3	3	4
	Mini Project	15	5	5	5
	Test 2	15	15		
	Final Exam	40	40		
	<b>Total</b>	<b>100</b>	<b>83</b>	<b>8</b>	<b>9</b>

## Jadual 7

### B. Contoh Rancangan Pengajaran yang menggabungkan SLT dan PTG (Pembelajaran Dalam Talian) – Perincian SLT

Syllabus		Student Learning Time (Conventional)						Student Learning Time (Online Learning)		
Week	Chapter	Lecture	Tutorial	Lab	Self-Learning		Assessment	TnL Material	TnL Activities	Assessment
1	Introduction to Problem Solving				2	2				
2	Introduction to Programming	2		2	2	1				
3	Identifier, Variable Assignment					1		4	2	8
4	Input & Output Statements					1		2	2	
5	Operator & Expression					2		3	2	
6	Control Statements	2		2	3	2				
7	Test 1									
8	Control Statements	2		2	2	1				
9	Arrays					1		3	4	
10	Mini Project					2	6	2	4	
11	Modular Programming	2		2	2	1				
12	Modular Programming	2		2	2	1				
13	Pointer	2		2	2	1				
14	File Processing	2			2	3	2			
	Test 2									
14	Mini Project Presentation					1	1			
15	Final Exam					9	3			
Total		14	0	10	16	30	14	14	14	8
SLT for Conventional Learning							84	SLT for Online Learning		36
Overall SLT								120		

## Simulasi 2: Kursus 2 jam kredit dengan PTG 50%



**Pembelajaran dalam Talian:**  
**40 jam**

**50%**



**Bahan  
Pembelajaran**



**Aktiviti  
Pembelajaran**



**Pentaksiran**

**50%**



**Syarahan**



**Tutorial**



**Makmal**



**Belajar secara  
individual**



**Pentaksiran**

## Jadual 8

Wajaran bagi 3 Elemen PTG (Pembelajaran Dalam Talian) bersama  
Contoh Perancangan Pelaksanaan

Elemen PTG	%	Jumlah Jam Keseluruhan	Minggu	Aktiviti	Jumlah Jam
Bahan Pembelajaran	40%	16 Jam	1 - 7	<ul style="list-style-type: none"><li>• Video</li><li>• Interaktif Multimedia</li><li>• Kelas dalam Talian</li></ul>	10 Jam 2 Jam 4 Jam
Aktiviti Pembelajaran	40%	16 Jam	1 - 2 4 - 5	<ul style="list-style-type: none"><li>• Aktiviti PdP Individu</li><li>• Perbincangan dalam Talian</li><li>• Pembentangan berkumpulan</li></ul>	6 Jam 4 Jam 6 Jam
Pentaksiran	20%	8 Jam	2, 3 & 6	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kuiz ( 5%)</li><li>• Tugasan (10%)</li></ul>	2 Jam 6 Jam

50%  
40 JAM

Jumlah  
Pembelajaran  
dalam talian

## Jadual 9

### Contoh Wajaran bagi 3 Elemen PTG (Pembelajaran Dalam Talian) dan Wajaran (dalam Julat) bersama Contoh Perancangan Pelaksanaan

Elemen PTG	%	Jumlah Jam Keseluruhan	Minggu	Aktiviti	Jumlah Jam
Bahan Pembelajaran	30% - 50%	12 – 20 Jam	1 - 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Video</li> <li>• Interaktif</li> <li>• Kelas dalam Talian</li> </ul>	10 Jam 2 Jam 4 Jam
Aktiviti Pembelajaran	30% - 50%	12 – 20 Jam	1 - 2 4 - 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti PdP Individu</li> <li>• Perbincangan dalam Talian</li> <li>• Pembentangan berkumpulan</li> </ul>	6 Jam 4 Jam 6 Jam
Pentaksiran	10% - 30%	4 – 12 Jam	2, 3 & 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuiz (5%)</li> <li>• Tugasan (10%)</li> </ul>	2 Jam 6 Jam

**MESTI  
>40 JAM**

Jumlah  
Pembelajaran  
dalam talian

## Jadual 10


### A. Contoh Rancangan Pengajaran yang menggabungkan SLT dan PTG (Pembelajaran dalam Talian) – Maklumat Kursus

<b>Course Code</b>	BMA4722																																																								
<b>Course Name</b>	Vehicle Dynamics																																																								
<b>Credit Hours</b>	2																																																								
<b>Course Outcomes</b>	<p>CLO1: Identify the foundation knowledge and parameters of vehicle dynamics analysis and calculation</p> <p>CLO2: Evaluate the performance characteristic of vehicle dynamics topics under various driving circumstances</p> <p>CLO3: Analyse the on-road performance of test car via dynamics sensing technology</p> <p>CLO4: Compare the standard vehicle dynamics performance using commercial information from manufacturers</p> <p>CLO5: Identify the constraints, niche and potential of vehicle dynamics for continuous improvement, innovation for sustainability achievement</p>																																																								
<b>Assessment Types</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Type</th><th>Weightage</th><th>CLO1</th><th>CLO2</th><th>CLO3</th><th>CLO4</th><th>CLO5</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Test</td><td>20</td><td>10</td><td>10</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Assignment</td><td>10</td><td>3</td><td>3</td><td>4</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Quiz</td><td>5</td><td>2</td><td>3</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Group Project</td><td>15</td><td></td><td></td><td></td><td>10</td><td>5</td></tr> <tr> <td>Laboratory</td><td>10</td><td></td><td></td><td>10</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Final Exam</td><td>40</td><td>8</td><td>8</td><td>8</td><td>8</td><td>8</td></tr> <tr> <td><b>Total</b></td><td><b>100</b></td><td><b>23</b></td><td><b>24</b></td><td><b>22</b></td><td><b>18</b></td><td><b>13</b></td></tr> </tbody> </table>	Type	Weightage	CLO1	CLO2	CLO3	CLO4	CLO5	Test	20	10	10				Assignment	10	3	3	4			Quiz	5	2	3				Group Project	15				10	5	Laboratory	10			10			Final Exam	40	8	8	8	8	8	<b>Total</b>	<b>100</b>	<b>23</b>	<b>24</b>	<b>22</b>	<b>18</b>	<b>13</b>
Type	Weightage	CLO1	CLO2	CLO3	CLO4	CLO5																																																			
Test	20	10	10																																																						
Assignment	10	3	3	4																																																					
Quiz	5	2	3																																																						
Group Project	15				10	5																																																			
Laboratory	10			10																																																					
Final Exam	40	8	8	8	8	8																																																			
<b>Total</b>	<b>100</b>	<b>23</b>	<b>24</b>	<b>22</b>	<b>18</b>	<b>13</b>																																																			

# Jadual 11

## B. Contoh Rancangan Pengajaran yang menggabungkan SLT dan PTG (Pembelajaran Dalam Talian) – Perincian SLT

Syllabus		Student Learning Time (Conventional)						Student Learning Time (Online Learning)		
Week	Chapter	Lecture	Tutorial	Lab	Self-Learning		Assessment	TnL Material	TnL Activities	Assessment
					Guided	Non-Guided				
1	Fundamental of vehicle dynamics							3	2	
2	Power limited acceleration, Quiz							2	4	2
3	Traction limited acceleration, <b>Assignment 1</b>							3		3
4	Braking forces and efficiency							2	5	
5	Road loads and tires							2	5	
6	Rolling resistance, <b>Assignment 2</b>							2		3
7	Ride comfort, noise and vibration							2		
8	Steady state cornering, Test	1	1		1	1	2			
9	Suspension design	1			1	1				
10	Role center	1			1	1				
11	Steering geometry error	1	1		1	1				
12	Four wheel steering, <b>Laboratory</b>	1		6	1	1	2			
13	Vehicle cornering problem	1			2	2				
14	<b>Group Project</b>						4			
15	<b>Final Exam</b>						4			
<b>Total</b>		6	2	6	7	7	12	16	16	8
SLT for Conventional Learning								SLT for Online Learning		40
<b>Overall SLT</b>								<b>80</b>		



01

LATAR BELAKANG

02

DEFINISI

03

SIMULASI

04

PERANAN



## Peranan IPT



01

Menyediakan **perancangan dan sokongan** bagi staf akademik dan pelajar bagi melaksanakan pembelajaran teradun khususnya yang berkaitan dengan pembelajaran dalam talian

02

**Pelantar pembelajaran** seperti sistem pengurusan pembelajaran (LMS), aplikasi web 2.0, capaian internet, latihan yang berkaitan

03

**Memantau** pelaksanaan pembelajaran teradun.  
*Jadual 12,13 dan 14 menyediakan contoh pelaporan kemajuan mengikut IPT, fakulti dan kursus.*

04

**Mengiktiraf** pelaksanaan pembelajaran teradun

05

IPT perlu merujuk kepada Dasar e-Pembelajaran Negara bagi enam (6) Tunggak yang perlu dilaksanakan dalam **agenda e-Pembelajaran IPT**

06

Menyediakan **latihan** yang berkaitan. Contoh latihan yang bersesuaian bagi PTG di halaman 47

## Jadual 12

### Contoh Dashboard bagi Pemantauan Status PTG

- peringkat universiti bagi satu semester

- Sasaran 75% kursus mencapai Status PTG
- Dipaparkan peringkat fakulti/pusat pengajian untuk rujukan fakulti/pusat pengajian IPT
- Juga untuk rujukan Senat Universiti / Pengurusan Tertinggi IPT

Fakulti/Pusat Pengajaran	Bilangan Kursus	Bilangan Kursus Yang Capai PTG	Peratus Capai PTG	Status PTG bagi Fakulti / Pusat Pengajaran
Fakulti Sastera & Kemanusiaan	67	45	67%	Belum Capai
Fakulti Perakaunan & Ekonomi	30	28	93%	Capai
Fakulti Sains & Kejuruteraan	45	15	33%	Belum Capai
Fakulti Sains Sukan	56	45	80%	Capai
<b>Keseluruhan</b>	<b>198</b>	<b>133</b>	<b>67%</b>	<b>Belum Capai</b>

## Jadual 13

### Contoh Dashboard bagi Pemantauan Status PTG - peringkat fakulti bagi satu semester

Fakulti/Pusat Pengajian	Bilangan Kursus	Bilangan Kursus Yang Capai PTG	Peratus Capai PTG	Status PTG bagi Fakulti / Pusat Pengajian
Fakulti Sastera & Kemanusiaan	67	45	67%	Belum Capai



Bil.	Kursus	Bahan Pembelajaran (min 40% = 15 jam)		Aktiviti Pembelajaran (min 40% = 15 jam)		Pentaksiran (min 20% = 6 jam)		Status PTG bagi Kursus	Pautan untuk Perincian
		Pencapaian (Bil jam)	Status	Pencapaian (Bil jam)	Status	Pencapaian (Bil jam)	Status		
1	Hubungan Etnik (3 jam kredit)	14	Belum Capai	18	Capai	4	Belum Capai	Belum Capai	•
2	Tamadun Islam (3 jam kredit)	18	Capai	18	Capai	7	Capai	Capai	•
3	Pengajian Malaysia							:	:
4	:							:	:
:	:							:	:
67	Soft Skill II	25	Capai	20	Capai	8	Capai	Capai	

## Jadual 14

# Contoh Dashboard bagi Pemantauan Status PTG

- individual kursus

**Nama Staf Akademik: Prof. Dr. A**

Bil.	Kursus	Bahan Pembelajaran (min 40% = 15 jam)		Aktiviti Pembelajaran (min 40% = 15 jam)		Pentaksiran (min 20% = 6 jam)		Status PTG bagi Kursus	Pautan untuk Perincian
		Pencapaian (Bil jam)	Status	Pencapaian (Bil jam)	Status	Pencapaian (Bil jam)	Status		
1	Hubungan Etnik (3 jam kredit)	14	Belum Capai	18	Capai	4	Belum Capai	Belum Capai	



**Perincian Pelaksanaan**

Bahan Pembelajaran (40% = 15 jam )		Aktiviti Pembelajaran (40% = 15 jam)		Pentaksiran (20% = 6 jam)	
Minggu	Bil Jam	Minggu	Bil Jam	Minggu	Bil jam
3	6	3	6	8	4
8	8	8	8		
		9	4		

# Latihan Yang Bersesuaian dengan Pembelajaran Teradun Gantian

Senarai di bawah adalah sebahagian contoh sahaja.

Staf akademik atau IPT boleh menjalankan bentuk latihan lain yang bersesuaian

## Pembangunan Bahan Pembelajaran dalam talian

- Pembangunan Bahan atau Video Pembelajaran secara Rakaman Sendiri
- Pembangunan Bahan Pembelajaran Multimedia Interaktif
- Aplikasi Rekabentuk Pengajaran (Addie adan Gadne's) untuk pembangunan kursus dalam talian

## Pembangunan Aktiviti Pembelajaran dalam talian

- Aplikasi Webinar/ sidang video dalam talian masa nyata bagi PTG Segerak
- Penggunaan alatan pembelajaran Web 2.0 bagi aplikasi segerak dan tidak segerak
- Aplikasi Strategi Pembelajaran dalam talian berdasarkan Teknik keterlibatan pembelajaran
- Gamifikasi melalui *micro credential*


## Pedagogi Pembelajaran dalam talian

- *Flipped and Flexible classroom*
- Pembelajaran Kolaboratif
- Penggunaan *open educational resources (OER)*
- *Personalised learning*
- *Self directed learning*
- *Micro learning*

## Pentaksiran dalam talian

- Pentaksiran berdasarkan e-portfolio
- *Peer assessment*
- Alatan Pentaksiran e-proctoring
- Aplikasi Analitik Pembelajaran bagi Pemantauan Kemajuan Pembelajaran Pelajar
- Alatan Pentaksiran Dalam Talian masa nyata

## Peranan Staf Akademik



01

Mengambil kira **persekitaran pembelajaran** seperti pelajar, kandungan kursus, perubahan teknologi semasa dan aspek-aspek lain yang berkaitan

02

Membuat **perancangan** bagi pembelajaran teradun selari dengan keperluan pelajar dan IPT

03

**Merekabentuk** pembelajaran selari dengan keperluan pembelajaran dalam talian


04

**Memaklum** kepada pelajar bagi perlaksanaan pembelajaran teradun

05

**Melaksana** pembelajaran teradun mengikut perancangan

## Peranan Staf Akademik (Sambungan)



06

07

Melaksana **keterlibatan** dengan pelajar bagi setiap bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran. Keterlibatan boleh dilakukan melalui mana-mana alat kolaborasi yang sesuai atau melalui alat janaan automatik LMS yang digunakan. *Jadual 15 menyediakan contoh rujukan keterlibatan pelajar dan staf akademik bagi satu kursus.*

Menyedia **pelaporan** yang bersesuaian dengan keperluan IPT masing-masing bagi mana-mana tujuan seperti jaminan kualiti

## Jadual 15

### Keterlibatan (*Engagement*) Staf Akademik & Pelajar dalam PTG


Contoh Jujukan Keterlibatan Staf Akademik dan pelajar dalam PTG bagi satu (1) minggu pembelajaran

Komponen PTG	SLT (14 jam)	Penerangan	Keterlibatan Staf Akademik	Keterlibatan Pelajar	Impak keterlibatan melalui pembelajaran dalam talian
Bahan Pembelajaran	2	1 item (kandungan multimedia x 1 jam pembelajaran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau capaian item oleh pelajar melalui LMS</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat capaian kepada item</li> </ul>	Keterlibatan secara tidak terus melalui capaian item
		1 item (kelas dalam talian) x 1 jam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyampai bahan pembelajaran kepada pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyertai sesi pembelajaran dalam talian</li> </ul>	Keterlibatan secara terus di antara staf akademik dan pelajar
Aktiviti Pembelajaran	4	1 items (set soalan latihan perlu diselesaikan secara individu) x 2 jam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau capaian item dan penghantaran jawapan oleh pelajar melalui LMS</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat capaian kepada item dan menghantar jawapan melalui LMS</li> </ul>	Keterlibatan secara tidak terus melalui capaian item dan penghantaran jawapan
		1 items (perbincangan dalam talian masa nyata berdasarkan soalan penyelesaian masalah) x 2 jam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengendalikan perbincangan dalam talian bersama pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyertai sesi perbincangan dalam talian</li> </ul>	Keterlibatan secara terus di antara staf akademik dan pelajar
Pentaksiran	8	1 item (soalan penyelesaian masalah dan pelajar perlu menghantar jawapan melalui LMS) - peruntukan masa 1 jam sehari x 8 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau capaian item dan penghantaran jawapan oleh pelajar melalui LMS</li> <li>Memberi maklumbalas bagi jawapan pelajar untuk rujukan pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat capaian kepada item dan menghantar jawapan melalui LMS</li> <li>Membuat capaian kepada maklumbalas dari staf akademik</li> </ul>	Keterlibatan secara tidak terus melalui capaian item, penghantaran jawapan, memberi maklumbalas dan capaian maklumbalas oleh pelajar

Keterlibatan (*engagement*) Pelajar dan Staf akademik akan menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran pelajar

\*Interaksi melalui alat kolaborasi atau media sosial berterusan berlaku untuk memastikan keterlibatan pelajar dan staf akademik

## Peranan Pelajar



01

**Bersedia dan berpengetahuan** dalam mengikuti pembelajaran teradun terutamanya pembelajaran dalam talian

02

Pihak IPT dan staf akademik berperanan untuk **membantu** pelajar bagi kesediaan untuk mengikuti pembelajaran teradun

03

**Selari dengan perkembangan IT semasa**, pelajar boleh memohon kepada staf akademik bagi pelaksanaan pembelajaran dalam talian bagi mana-mana kandungan kursus yang berkaitan

04

Pelajar aktif mewujudkan **keterlibatan** dalam pembelajaran





# KESIMPULAN

- ✓ Dokumen **garis panduan** bagi PTG ini berupaya memberi satu alernatif dalam pembelajaran di IPT khususnya
- ✓ PTG berpotensi tinggi untuk **dilaksanakan** kerana ianya selari dengan perkembangan teknologi maklumat semasa dan perubahan cara hidup generasi masa kini
- ✓ PTG berupaya menjadi salah satu komponen dalam **merekabentuk dan pelaksanaan** future ready curriculum, industrial-based curriculum, inisiatif SULAM (rujuk Jadual 16), 2u2i (rujuk Jadual 17 dan 18) dan lain-lain yang berkaitan
- ✓ PTG juga berupaya merubah paradigma pendidikan IPT selari dengan keperluan pendidikan berasaskan **pacuan insan sejahtera**

## Jadual 16:

Contoh Pelaksanaan PTG bersama SULAM bagi seorang pelajar yang mengambil 3 kursus termasuk 2 kursus yang mengandungi SULAM

Minggu Pembelajaran	1-6	7-10	11 - 15	15-17
Kursus BPM1213 Project Management	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2 dan Bab 3	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 4 dan Bab 5  <b>Aktiviti SULAM di Kampung Permatang Badak, Kuantan menggabungkan Kursus BPM1213 dan Kursus BPM2143</b>	Pembelajaran di IPT bagi Bab 6, Bab 7 dan Bab 8	Penilaian Akhir Kursus di IPT
Kursus BPM2143 Sustainability Culture	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 5	Pembelajaran di IPT bagi Bab 6 dan Bab 7	Penilaian Akhir Kursus di IPT
Kursus BUM1313 Discrete Mathematic	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2 dan Bab 3	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 4	Pembelajaran di IPT bagi Bab 5 dan Bab 6	Penilaian Akhir Kursus di IPT

## Jadual 17:

### Contoh Pelaksanaan PTG dalam Mod Pengajian 2u2i

Pengendalian **Block Release** bagi pelajar yang mendaftar empat (4) kursus termasuk tiga(3) kursus yang diintegrasikan dengan pembelajaran bersama industri

Minggu Pembelajaran	1-4 Pembelajaran di IPT	5-8 Pembelajaran bersama Industri	9 – 11 Pembelajaran di IPT	12 – 14 Pembelajaran bersama Industri	15-17 Penilaian akhir di IPT
Kursus BSM1243 Data Analytic Application	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2 dan Bab 3	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 4	Integrated Industrial Project for Business Optimization Modelling Part A	Pembelajaran di IPT bagi Bab 5, Bab 6 dan Bab 7	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 8
Kursus BSM2153 Optimization Techniques	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 5		Pembelajaran di IPT bagi Bab 6 dan Bab 7	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 8
Kursus BSM2114 Simulation & Modelling	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2 dan Bab 3	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 4		Pembelajaran di IPT bagi Bab 5 dan Bab 6	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 7
Kursus UHM1212 Hubungan Etnik	Pembelajaran di IPT bagi Bab 1, Bab 2 dan Bab 3	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 4,5	Pembelajaran di IPT bagi Bab 6 dan Bab 7	Pembelajaran dalam talian bagi Bab 8 dan Bab 9	Penilaian Akhir Kursus di IPT

## Jadual 18:

### Contoh Pelaksanaan PTG dalam Mod Pengajian 2u2i

Pelajar yang mendaftar lima (5) kursus yang diintegrasikan dengan pembelajaran dalam talian bersama Projek Industri Bersepadu secara ***Full Immersion***

Minggu Pembelajaran	1-7 Penempatan Industri	8-9 Penilaian Kemajuan Projek	1-7 Penempatan Industri	8-9 Penilaian akhir di IPT
<b>Kursus BSM345 Advanced Data Analytic</b>	Integrated Industrial Project for Business Intelligent Part 1 Menggabungkan tiga kursus	Pembangunan Laporan Kemajuan Secara dalam Talian	Integrated Industrial Project for Business Intelligent Part 2 menggabungkan tiga kursus	
<b>Kursus BSM255 Optimization Application</b>	Bahan Pembelajaran Interaktif dalam talian disediakan bersama Staf Akademik & Industri (setara bagi SLT 5 jam seminggu bagi setiap kursus)		Bahan Pembelajaran Interaktif dalam talian disediakan bersama Staf Akademik & Industri (setara bagi SLT 5 jam seminggu bagi setiap kursus)	Penilaian Keseluruhan Kursus oleh Staf Akademik IPT dan Pihak Industri
<b>Kursus BSM315 Industrial Application</b>		Pembentangan Laporan Kemajuan melalui sidang video		
<b>Kursus MPU213 Organization Behaviour</b>				Penilaian Keseluruhan Kursus oleh Staf Akademik IPT dan Pihak Industri
<b>Kursus MPU253 Professional Communication</b>	Bahan Pembelajaran Interaktif dalam talian disediakan bersama Staf Akademik & Industri (Sumber Manusia/ Hubungan Korporat) (setara bagi SLT 2 jam seminggu)	Pembentangan Laporan Kemajuan melalui sidang video kepada Staf Akademik IPT	Bahan Pembelajaran Interaktif dalam talian disediakan bersama Staf Akademik & Industri (Sumber Manusia/ Hubungan Korporat) (setara bagi SLT 2 jam seminggu)	Penilaian Keseluruhan Kursus oleh Staf Akademik IPT dan Pihak Industri
	Pelaporan setiap dua(2) minggu dalam talian dan dinilai oleh pihak Industri			



# GLOSARI

## Pembelajaran teradun

Pembelajaran teradun merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dan mod pembelajaran bersemuka secara fizikal dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian sama ada menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka.

01

## Pembelajaran teradun sokongan

Pembelajaran teradun merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod dalam talian dan mod pembelajaran bersemuka secara fizikal dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian menyokong pembelajaran bersemuka.

02

## Pembelajaran teradun gantian

Pembelajaran teradun merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod online dan mod pembelajaran bersemuka onsite dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara dalam talian menggantikan pembelajaran bersemuka.

03

## Bahan pembelajaran dalam talian

Sumber pembelajaran yang disediakan secara dalam talian samada segerak atau tidak segerak yang merangkumi sebahagian atau sepenuhnya kandungan kursus dan selari dengan hasil pembelajaran kursus berkenaan. Ianya boleh disediakan dalam pelbagai bentuk seperti video, audio, text, grafik, animasi atau mana-mana gabungan multimedia yang bersesuaian.

04

## Aktiviti pembelajaran dalam talian

Aktiviti pembelajaran yang disediakan secara dalam talian samada segerak atau tidak segerak yang berkaitan dengan merangkumi sebahagian atau sepenuhnya kandungan kursus dan perlu memenuhi keperluan hasil pembelajaran kursus berkenaan. Ianya boleh disediakan dalam pelbagai bentuk seperti video, audio, teks, grafik, animasi atau mana-mana gabungan multimedia yang bersesuaian. Aktiviti pembelajaran perlu mengandungi elemen keterlibatan pelajar dan staf akademik bagi kursus berkenaan.

05

## Pentaksiran dalam talian

Mana-mana jenis pentaksiran atau penilaian dalam talian yang sediakan oleh staf akademik untuk menilai pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Ianya boleh dijalankan secara segerak atau tidak segerak.

06

## Pembelajaran dalam talian

Suatu pembelajaran merangkumi bahan pembelajaran dalam talian, aktiviti pembelajaran dalam talian dan pentaksiran dalam talian. Gabungan ketiga-tiga elemen ini mestilah selari dengan keperluan hasil pembelajaran kursus.

# Sumber Rujukan

Garis panduan ini perlu dirujuk dan dibaca bersama dengan rujukan berikut:



**Takrifan Kaedah Penyampaian Program Pengajian Tinggi**  
Agenzia Kelayakan Malaysia (MQA)  
(Surat Makluman MQA Bil. 3/2018)



**Amalan Kualiti MOOC Malaysia**  
(2018), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia



**Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia**  
(2017), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia



**e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs**  
(2014), Kementerian Pendidikan Malaysia



**Dasar e-Pembelajaran Negara Institusi Pengajaran Tinggi**  
(2011), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia



## **PENULIS**

ADZHAR KAMALUDIN, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (KETUA)  
WAN ZUHANIS SAAD, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
MOHD IDHAM ABDUL RASHID, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
ROZITA HUSAIN, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA  
NORSHAHRIAH WAHAB, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA  
GAN LEONG MING, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
NURBIHA A SHUKOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
NURFADHLINA MOHD SHAREF, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
SURIA BABA (UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN)  
SYAKIRAH SHAMSUDIN (UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS)

## **PENYUMBANG**

SYAHRUL NIZAM JUNAINI (UNIMAS)	SYED NAJMUDDIN SYED HASSAN (MYCEL)
CHUAH KEE MAN (UNIMAS)	ROZAIMI GHAZALI (MYCEL)
FONG SOON FOOK (UMS)	M NITHIYA RUBY A/P MUNUSAMY (KPM)
TAN TSE GUAN (UMK)	JERSHONIA DEVI A/P SIVAM (KPM)
MUHAMMAD ZAFFWAN IDRIS (UPSI)	CHANDRA MOHGAN A/L LECHMAN (KPM)
SAZILAH SALAM (UTEM)	NUR HAFIZAH ZAKARIA (KPM)
NORASIKEN BAKAR (UTEM)	FARRAH DINA YUSSOF (UM)
SALLEH ABDUL RASHID (UNIMAP)	ZAHIRUDDIN FITRI ABU HASSAN (UM)
SHahrul Nizam Yaakob (UNIMAP)	AZIDAH ABU ZIDEN (USM)
NURKHAMIMI ZAINUDDIN (USIM)	AISYAH SAAD ABDUL RAHIM (USM)
NAJWA HAYAATI MOHD ALWI (USIM)	MOHD NIHRA HARUZUAN MOHD SAID (UTM)
NORAIDA HJ ALI (UMT)	SHahrul Mizan ISMAIL (UKM)
MOHD HAFRIZ NURAL AZHAN (UMT)	HELMI NORMAN (UKM)
ZAINAL ABIDIN SAYADI (UTHM)	MOHD ROSMADI MOKHTAR (UKM)
IRWAN MAHAZIR ISMAIL (UTHM)	JOHAN@EDDY LUARAN (UITM)
HEMMY ABD JALAL (UTHM)	MOHD SYUKRI NORDIN (UIAM)
SHARIFAH WAJIHAH Wafa SYED SAADUN TAREK Wafa (UNISZA)	ROSEMALIZA KAMALLUDEEN (UIAM)
SUHAILAN SAFEI (UNISZA)	MUHAMAD SHAHBANI ABU BAKAR (UUM)
ALYANI ISMAIL (UPM)	IZWAN NIZAL MOHD SHAHARANEE (UUM)

## **PEREKA GRAFIK**

ASMAH SHUKRI





**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN:  
PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN  
(PEMBELAJARAN DALAM TALIAN)**





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
DALAM TALIAN  
BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN (COVID-19)  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK  
(PKPA)**  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN BACHOK**  
**16300 Bachok, Kelantan**  
**09-7797599/7598**  
**[www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)**

## **KANDUNGAN**

<b>BIL. TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.0 TUJUAN	3
2.0 LATAR BELAKANG	3
3.0 KAEDEH PELAKSANAAN	5
4.0 PERINCIAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG)	5-6
5.0 PEMBANGUNAN eBAHAN	7
6.0 PELAKSANAAN KELAS GANTIAN DALAM TALIAN	7-9
7.0 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	9-10
8.0 JAM BELAJAR PELAJAR (STUDENT LEARNING TIME-SLT)	10-11
9.0 PROSES IMPLEMENTASI PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN (PTG-DT)	11-12
10.0 GARIS PANDUAN UMUM	12-13

## **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN (P&P-DT) ini bertujuan untuk memberi panduan tatacara untuk mengurus, menyelaras dan menyelia pelaksanaan P&P-DT di UMK semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan jangkitan Covid-19.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- i. Garis Panduan ini dikeluarkan dengan merujuk kepada:
  - a. Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan;
  - b. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Kenyataan Media Pengendalian Program Akademik di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS); dan
  - c. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) - Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 (**Lampiran 1**)
- ii. Akibat daripada pandemik Covid-19, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh Malaysia mengikut kronologi seperti berikut:
  - a. Perisyntiharhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020, PKP yang pertama mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020;
  - b. PKP Fasa 2 dilanjutkan mulai 1 April 2020 hingga 14 April 2020;
  - c. PKP dilanjutkan ke Fasa 3 dari 15 April hingga 28 April 2020;
  - d. Semua bangunan IPTA/IPTS ditutup dan staf dikehendaki bekerja dari rumah; dan
  - e. Hampir 70% pelajar telah pulang ke kampung manakala hanya 30% pelajar yang masih tinggal di kampus dan di luar kampus.

- f. Berdasarkan Laporan Survei pada 24 Mac 2020 tentang Capaian Internet Pelajar didapati hampir 63% berada tahap Sederhana dan Lemah;
  - g. Namun pelajar 95% pelajar bersedia menjalani P&P DT
- iii. PKPA telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan satu garis panduan P&P-DT bagi situasi Covid-19 untuk dijadikan rujukan kepada Fakulti/Pusat Pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kuliah dalam talian akan bermula secara rasmi pada 26 April 2020 mengikut Pekeliling Akademik Bilangan 5/2020: Pindaan Kalendar Akademik Semester Februari 2019/2020 Prasiswa Universiti Malaysia Kelantan bertarikh 1 April 2020, selaras dengan tarikh pelanjutan baharu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sehingga 28 April 2020. Ia tertakluk pada Kenyataan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan serta saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, melalui Kenyataan Media kementerian tersebut bertarikh 26 Mac 2020.
- iv. P&P-DT adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam talian bagi menggantikan P&P yang telah dijadualkan untuk bersemuka secara fizikal. Ia merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar menerusi Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) mengikut masa dan tempat pembelajaran yang lebih fleksibel dan diperibadikan mengikut pelajar bagi mengoptimumkan konsep *Self Directedness, Self Accessed dan Self Paced-(SeDAP)*.
- v. PTG bertujuan untuk mengupayakan pembelajaran dalam talian secara berstruktur dalam Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) berdasarkan Formula 40:40:20. Garis Panduan P&P Dalam Talian ini merujuk kepada Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) 2020 (**Lampiran 2**).

- vi. Kursus yang ditawarkan adalah sepenuhnya dalam talian tanpa semuka, iaitu beralih ke Pembelajaran Dalam Talian (JPT:GP PTG 2020).

### 3.0 KAEADAH PELAKSANAAN

3.1 Kuliah dalam talian boleh dilaksanakan dalam julat antara 30% sehingga maksimum 80% daripada jumlah jam pembelajaran pelajar (SLT) secara bersemuka berdasarkan formula 40:40:20 (bahan P&P:Aktiviti P&P:Pentaksiran). Formula 40:40:20 adalah agihan kepada 30% hingga 80% daripada keseluruhan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) kepada tiga (3) elemen PTG. (PTG JPT 2020).

Semua pensyarah perlu menggunakan platform eCampus UMK bagi mengendalikan kuliah dalam talian ini. Namun, dalam kes-kes tertentu, pensyarah dibenarkan menggunakan platform lain dan ia perlu disertakan dengan justifikasi yang jelas dan boleh diukur.

3.1 eCampus merupakan platform rasmi UMK berlandaskan Moodle versi 3.8. Portal ini mudah diakses oleh semua Warga Pelajar dan Staf Akademik. eCampus UMK mempunyai kelengkapan yang tinggi oleh sebab dokumen P&P seperti TABLE 4 serta eAttendance, Pelaporan PLO telah diintegrasikan dengan cukup kemas. Untuk layari sila ke <https://ecampus.umk.edu.my> dan turut boleh diakses ke Laman MOOC UMK melalui [www.openlearning.com](http://www.openlearning.com)

### 4.0 PERINCIAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG)

4.1 Penggunaan bahan pembelajaran (40%)

- Rakaman video & audio & skrin
- Persembahan berbentuk penceritaan
- Animasi dan Perisian *Web 2.0 Teaching Tools*
- Simulasi atau Realiti Maya, atau Realiti Luasan, atau Realiti Tergabung

- Syarahan dalam/luar kelas
- Kandungan interaktif
- Video praktikal/makmal
- Dan lain-lain yang bersesuaian

4.2 Pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan *Web 2.0 Tools* (40%)

- *Kahoot*
- *Padlet*
- LMS (cth: forum, *chatting*, dsb)
- Pembelajaran Kolaboratif
- Penggunaan open educational resources (OER)
- *Personalised learning*
- *Self directed learning*
- *Micro learning*, dan
- Perkakasan yang bersesuaian *Flipped and Flexible classroom*

4.3 Pentaksiran dalam talian (20%)

- Kuiz
- Kajian kes
- Problem Based Learning -PoBL
- *Open eBook test*
- Pembentangan
- Refleksi @ePortfolio
- *Peer assessment*
- Alatan Pentaksiran *e-Proctoring*
- Aplikasi Analitik Pembelajaran bagi Pemantauan Kemajuan Pelajar
- Alatan Pentaksiran Dalam Talian masa nyata dan banyak lagi

## **5.0 PEMBANGUNAN eBAHAN**

### **5.1 Pembangunan eBahan Pembelajaran dalam talian**

- Pembangunan Bahan atau Video Pembelajaran secara Rakaman Sendiri
- Pembangunan Bahan Pembelajaran Multimedia Interaktif (Web 2.0 Teaching Tools)
- Aplikasi Reka bentuk Pengajaran (Addie dan Gadne's) untuk pembangunan kursus dalam talian

### **5.2 Pembangunan Aktiviti Pembelajaran dalam talian**

- Aplikasi *Hangout Meet/Microsoft Meet Team* sidang video dalam talian bagi PTG Segerak (Synchronous atau Real Time)
- Penggunaan alatan pembelajaran Web 2.0 bagi aplikasi segerak dan tidak segerak (aSynchronous)
- Aplikasi Strategi Pembelajaran dalam talian berdasarkan Teknik keterlibatan (engagement) pembelajaran
- Gamifikasi melalui *game based challenge*
- *micro credential*

## **6.0 PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN**

Pelaksanaan P&P DT yang efektif perlu mempunyai gabungan **TIGA (3)** elemen e-pembelajaran seperti berikut:

### **6.1 Bahan ePembelajaran** seperti e-nota (pdf, ppt, doc), rakaman video / audio / skrin, persembahan berbentuk penceritaan, animasi dan perisian Web 2.0, simulasi atau realiti maya (VR), realiti luasan (AR), syarahan secara langsung, kandungan interaktif digital dan lain-lain yang bersesuaian. Item ini bertujuan membolehkan pelajar membuat pembelajaran kendiri berkaitan sesuatu topik berdasarkan bahan yang

telah disediakan oleh pensyarah. Peratusan pembelajaran pelajar untuk elemen ini adalah sebanyak 40%.

6.1.1 Video boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu video asli/pembangunan sendiri atau video guna semula/pautan daripada video sedia ada.

6.1.2 Video asli yang dihasilkan dan dibangunkan sendiri boleh terdiri daripada pelbagai jenis seperti berikut:

- i. Rakaman pengajaran.
- ii. Temu bual dengan pakar.
- iii. Kerja lapangan.
- iv. Animasi untuk konsep-konsep yang kompleks.

6.1.3 Kandungan video untuk setiap aktiviti perlu dibahagikan kepada segmen-semen kecil untuk menarik minat pelajar dan membantu proses pembelajaran. Contoh pengiraanya adalah seperti berikut:

- (i) Setiap durasi video ceramah, 10 minit bersamaan 1 jam ceramah konvensional. Memandangkan durasi video ditentukan oleh kandungan topik, sekiranya untuk minggu pertama, topik pertama, durasi video adalah 5 minit, maka  $5\text{minit} \times (1\text{jam}/10)$  bersamaan 0.5 jam SLT. (Rujuk Garis panduan terperinci, muka surat: 13)
- (ii) Pembangunan video berdurasi kurang daripada 3 minit digalakkan dengan mengambil kira saiz video, sekurang-kurangnya 15Mbps. Saiz yang kecil tidak akan membebankan pelajar untuk muat turun kerana kandungan saiz video yang kecil. Ini sangat sesuai bagi membantu pelajar di kawasan capaian internet sederhana dan rendah

- 6.1.4 Kepelbagai bentuk kandungan ini boleh meningkatkan minat pelajar untuk mengikuti bahan pembelajaran.
- 6.1.5 Setiap topik perlu mempunyai bahan bacaan tambahan yang boleh dikaitkan dengan aktiviti pembelajaran yang disediakan dalam kandungan dan pentaksiran. Ini untuk memastikan pelajar membaca bahan bacaan tambahan yang disediakan.
- 6.2 **Aktiviti pembelajaran** seperti penggunaan forum, padlet, telesidang yang menggunakan aplikasi contohnya *youtube live classroom* atau *hangout meet* (menggunakan bahan sama ada teks, video atau audio), dan lain-lain yang bersesuaian. Item ini bertujuan untuk mewujudkan sesi interaksi dua hala antara pelajar dan pensyarah sama ada untuk bertanyakan soalan ataupun membuat perbincangan lanjut berkaitan sesuatu topik. Peratusan pembelajaran pelajar untuk elemen ini adalah sebanyak 40%. Dilampirkan contoh jadual pelaksanaan pembelajaran secara atas talian seperti di **Lampiran A: Online Class – How not to bore your students.**
- 6.3 **Pentaksiran** dalam talian seperti kuiz, tugasan, penilaian, refleksi, *ePortfolio* dan lain-lain yang bersesuaian. Item ini bertujuan untuk membantu pensyarah memantau pembelajaran pelajar di samping memastikan keberhasilan pelajar dalam memahami topik yang telah disediakan. Peratusan pembelajaran pelajar untuk elemen ini adalah sebanyak 20%. (Rujuk: GP PTG JPT 2020)

## 7.0 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

- 7.1 Amalan Penjajaran Konstruktif sebagai bukti P&P menepati Hasil Pembelajaran Kursus-HPK (Course Learning Outcome-CLO) yang dipetakan ke pentaksiran dan aktiviti yang mengambil kira Jam Belajar Pelajar (SLT)

- 7.2 Memastikan alat ePentaksiran mestilah sejajar dengan HPK serta aktiviti P&P menyokong HPK
- 7.3 Membangunkan Tugasan ePentaksiran yang autentik yang akan memperlihatkan kemenjadian pelajar yang ingin menguasai kandungan kursus yang diikuti. Tugasannya berbentuk pentaksiran holistik dan autentik diukur berdasarkan Pentaksiran Formatif ataupun Sumatif. Ia berlaku secara pentaksiran berterusan sepanjang semester berlangsung.
- 7.4 ePentaksiran sewajarnya dapat memberikan konteks kehidupan sebenar (real life context) seumpamaya melalui kajian kes, Pembelajaran berdasarkan Masalah (*Problem Based Project-PoBL*), Project based Learning (PBL), Analisis Kes dan mana-mana teknik yang bersesuaian dengan HPK.
- 7.5 Merancangkan pentaksiran berdasarkan JBP (SLT) agar HPK yang dirancang agar Hasil Pembelajaran Program yang dirancang akan tercapai. Ketelitian merancangkan ePentaksiran amat penting agar ia memberikan nilai tambah kepada pengetahuan baharu, kemahiran serta kompetensi pelajar. Beban tugasan berdasarkan wajaran amat diambil kira agar ia selari dengan kiraan jam kredit bagi kursus tersebut

## **8.0 JAM BELAJAR PELAJAR (STUDENT LEARNING TIME-SLT)**

Kuliah dalam talian perlu disetarakan dengan jam pembelajaran pelajar (SLT) mengikut panduan seperti berikut:

- i. Bagi video / audio, SLT adalah dikira dengan lima kali masa sebenar video/ audio. Sebagai contoh, 10 minit video adalah bersamaan 1 jam atau 60 minit bersemuka secara fizikal. Bagi nota digital, laman web dan yang seumpamanya, SLT adalah dikira dengan anggaran lima minit untuk satu paparan skrin atau muka surat.

- ii. Bagi kuliah interaktif (telesidang video/ audio/ teks atau forum) dan pentaksiran (kuiz/ tugas dalam talian), SLT adalah dikira mengikut anggaran masa sebenar aktiviti tersebut berlangsung.
- 8.1 Pensyarah boleh menjalankan penyampaian secara pembelajaran dan pembelajaran secara segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*) bagi membolehkan pelaksanaan pembelajaran berlangsung secara fleksibel dalam tempoh penawaran kursus tersebut. *Mixed and Match Syncoronus dan Asynchronous* (Segerak dan Tidak Segerak) boleh digalakkan pada ketika capaian internet di paras rendah dan sederhana.
- 8.2 Satu Cadangan Jadual yang memaparkan SLT pelajar dilampirkan dalam melaksanakan P&P DT sepanjang PKP mengikut Kalender Akademik Baharu UMK. Sila rujuk **Lampiran B: Student Learning Time (SLT) NF2F MCO 26 April – 30 Julai 2020**. SLT bagi pelbagai kaedah pentaksiran adalah mengikut pengiraan SLT berdasarkan Pengiraan SLT yang berpandukan Panduan MQA yang sedia ada.

## **9.0 PROSES IMPLEMENTASI PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN (PTG-DT)**

- 9.1 Pensyarah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan pelajar aktif dalam pembelajaran dalam talian melalui laporan bagi setiap item e-pembelajaran. Sekiranya terdapat pelajar yang gagal atau lemah dalam setiap pentaksiran yang dibuat secara dalam talian, pensyarah perlu mengambil tindakan bersesuaian dalam memastikan tiada keciciran pelajar bagi kursus tersebut.
- 9.2 Rekod pelaksanaan kelas dalam talian dan penglibatan pelajar dalam aktiviti dalam talian tersimpan dalam *eAttendance* di Portal *eCampus*

yang diperoleh secara automatik setelah 3 elemen dibuat secara efektif. Ia akan disimpan sebagai bukti pelaksanaan pengajaran dan juga bukti kehadiran pelajar.

- 9.3 Pelaksanaan Kuliah adalah berlangsung mengikut Jadual Kuliah sedia ada NAMUN ia berlangsung secara dalam Talian.
- 9.4 Bagi mengatasi kesukaran capaian internet digalakkan menggunakan P&P secara Tidak segerak. (aSynchronous) serta eBahan berdasarkan teks dan bahan video yang telah dipadatkan pada saiz yang kecil antara 2MBPS hingga 15MBPS yang berdurasi kurang daripada 3 minit.

## **10.0 GARIS PANDUAN UMUM**

- 10.1 Diperuntukkan 1 jam kredit adalah bersamaan dengan 40 jam notional pembelajaran pelajar termasuk pembelajaran kendiri dan pentaksiran
- 10.2 Pelaksanaan bagi masa pembelajaran efektif, iaitu 50-80% (Effective Learning Time) dianggap aktiviti pembelajaran berdasarkan kerja (Work Based Learning) termasuk teori, garis panduan industri dan pentaksiran. Contohnya; 80 jam (2 minggu) aktiviti untuk latihan industri bersamaan dengan 1 kredit ( $50\% \times 80j = 40j$ ).

### 10.3 Garis panduan terperinci

<b>Garis Panduan Pembelajaran Berpandu</b>		
	Aktiviti	Garis panduan SLT
	L	<i>1 hour/week/credit</i>
	T	<i>2 hour/week/credit</i>
	P	<i>2-3 hour/week/credit</i>
	O	<i>A total of 2-3 hours/week/credit for both Guided and Independant Learning Time</i>
	L	<i>0.5 to 1 hour for each 1 hour of Lecture</i>
	T	<i>0.5 to 1 hour for each 1 hour of Tutorial</i>
	P	<i>0.5 to 1 hour for each 1 hour of Practical</i>
	O	<i>A total of 2-3 hours/week/credit for both Guided and Independant Learning Time</i>

\*L= Kuliah; T= Tutorial; P= Praktikal; O= Lain-lain

<b>Garis Panduan Pentaksiran</b>		
	F	$\sim 1 \text{ min/mark/kredit}$
	T	$\sim 1 \text{ min/mark/kredit}$
	A	$\sim 1 \text{ min/mark/kredit}$
	O	$\sim 1 \text{ min/mark/kredit}$
	F	$\sim 4 \text{ min untuk } 1 \text{ min masa menjawab}$
	T	$\sim 4 \text{ min for each } 1 \text{ min masa menjawab}$
	A	$\sim 4 \text{ min for each } 1 \text{ min masa menjawab}$
	O	$\sim 4 \text{ min for each } 1 \text{ min masa menjawab}$

\*F= Peperiksaan akhir;  
T= Ujian;  
A= Tugasan/Kerja khusus/pembentangan/laporan dalam bentuk video;  
O= Lain-lain

\*\* Garis Panduan ini dibaca bersama Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) JPT 2020


**Disediakan oleh:**

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)

Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA)

3 APRIL 2020

# Online Class - How not to bore your students



## LAMPIRAN B

### Student Learning Time (SLT ) NF2F MCO 26 April – 30 Julai 2020

SLT Per Course – 3 Credits = (120 Hours)	Guided Learning - F2F (30 Hours)	Week	Guided Learning	Independent Learning	Assessment (Implementation & Preparation)
	Guided Learning Online Learning - (12 Hours)	Week 1	3 Hours	Lump Sum 15 hours	Done (Example : 10 hours)
		Week 2	3 Hours		
		Week 3	3 Hours		
		Week 4	3 Hours		
		Week 5	3 Hours		
	Independent Learning (42 Hours)	Semester Break (During Covid- 19)	18 March – After Covid – 19 Semester Break (New Academic Calendar)		
	Assessment – Implementation (12 Hours)	Week 6 (MCO Period)	Redesign the Scheme of Work (Balance 24 hours)	Redesign the Scheme of Work (Balance 27 hours)	Redesign the Assessment (Balance 26 hours)
		Week 7 (MCO Period)			
		Week 8 (MCO Period)			
		Week 9 (MCO Period)			
		Week 10 (MCO Period)			
		Week 11 (MCO Period)			
		Week 12 (MCO Period)			
		Week 13 (MCO Period)			
		Week 14 (MCO Period)			
		Total (Sub)	42 hours	42 hours	36 hours
		Total	120 hours (3 Credits)		

### The Example SLT Calculation

- ❖ Sumber - MQA MCO Mac 2020
- ❖ Kalendar Akademik Baharu PKP UMK